



KENYATAAN MEDIA

**MENGENAI KENYATAAN Y.A.B. MENTERI BESAR SELANGOR
YANG DITERBITKAN OLEH FREEMALAYSIATODAY.COM
BERHUBUNG “KES PENCEMARAN APRIL DAH SIASAT TAPI
PEGUAM NEGARA TAK AMBIL TINDAKAN”**

1. Pada 17 Mac 2020, Pengurusan Air Selangor (Air Selangor) melalui siaran media memaklumkan bahawa keempat-empat loji rawatan air di Sungai Selangor telah dihenti tugas bermula 17 Mac 2020, jam 7.00 malam, akibat pencemaran bau dalam air mentah pada tahap 2 TON.
2. Lanjutan itu, siasatan bersepadu bersama oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Air Selangor, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, Majlis Perbandaran Selayang dan EXCO Alam Sekitar Selangor telah dijalankan berikutan aduan yang menyebabkan penutupan loji yang tersebut.
3. Pihak JAS Selangor telah mengeluarkan 30 tawaran kompaun di lapangan dengan nilai keseluruhan sebanyak RM60,000.00 kepada pemilik premis Yip Chee Seng & Sons Sdn. Bhd. di Lot 4219, Jalan Batu Arang, Kg. Sungai Dua, Rawang. Kompaun itu dikeluarkan tanpa apa-apa rujukan kertas siasatan dibuat kepada Jabatan Peguam Negara.
4. Selain daripada tawaran kompaun yang dikeluarkan pada bulan Mac 2020 yang dibuat tanpa rujukan kepada Jabatan Peguam Negara, sehingga kini Jabatan Peguam Negara tidak pernah dirujuk dengan

apa-apa kertas siasatan berhubung kejadian pencemaran air mentah di Selangor.

5. Selanjutnya, pada 4 September 2020, Pengurusan Air Selangor (Air Selangor) telah membuat siaran media memaklumkan bahawa keempat-empat loji rawatan air di Sungai Selangor telah dihenti tugas bermula 3 September 2020, jam 7.15 – 9.00 pagi, akibat pencemaran bau seakan pelarut dalam air mentah pada tahap 3 TON di muka sauk (*water intake input*) Sungai Selangor. Siasatan bersepadu berhubung kejadian itu sedang dijalankan oleh pelbagai agensi yang berkaitan. Jabatan Peguam Negara hanya dimaklumkan bahawa terdapat kertas siasatan yang dibuka oleh agensi-agensi yang berkaitan dan kertas siasatan itu sedang dilengkapkan sebelum dirujuk ke Jabatan Peguam Negara untuk arahan selanjutnya.
6. Oleh yang demikian, pernyataan Y.A.B. Menteri Besar Selangor yang diterbitkan oleh [Freemalaysiatoday.com](http://freemalaysiatoday.com) pada 7 September 2020 jam 12.49 p.m. bahawa tiada apa-apa tindakan diambil oleh Jabatan Peguam Negara berkenaan dengan pencemaran air pada bulan April 2020 adalah tidak benar, bahkan tidak berasas sama sekali.

Tan Sri Idrus bin Harun

Peguam Negara / Pendakwa Raya

07 September 2020